

BAB 3: PERKEMBANGAN GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN INDIA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah ke arah kemajuan bagi golongan peniaga India di Tanah Melayu. Kesedaran untuk menubuhkan Gabungan Dewan Perniagaan India muncul selepas Perang Dunia Kedua. Para peniaga India pada zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mengalami kerugian yang banyak dalam perniagaan. Ada peniaga yang telah muflis dalam perniagaan dan menutup perniagaan atau kedai mereka. Para peniaga India yang masih terlibat dalam perniagaan, sedar bahawa untuk memajukan perniagaan mereka selepas kedatangan semula pihak British, perlu ada sebuah badan di peringkat kebangsaan bagi menjaga kepentingan para peniaga India. Oleh itu dewan-dewan perniagaan India yang terdapat di Tanah Melayu pada masa itu termasuk Singapura bercadang untuk menubuhkan Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu. Dalam penubuhan Gabungan Dewan India, Dewan Perniagaan India Selangor (DPIS) telah memainkan peranan penting.

Penubuhan

Cadangan untuk penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu (GDPIPTM) mula-mula timbul pada tahun 1948. Mesyuarat kali pertama bagi penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malayan Indian Chambers of Commerce*) telah diadakan di Singapura pada 27 Mac 1948 hingga 28 Mac 1948.¹ Mesyuarat itu telah dihadiri oleh Dewan-dewan Perniagaan India di Negeri-negeri Selat (NNS) dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Dalam menyuarat itu presiden DPIS pada masa itu, iaitu A.A.Mohammed Abdullah berpendapat Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu (GDPIPTM) harus menggabungkan dewan-dewan Perniagaan India di Persekutuan Tanah Melayu sahaja, tidak termasuk Singapura. Ini

disebabkan pentadbiran Singapura telah diasingkan dari Tanah Melayu, iaitu sejak penubuhan Malayan Union. Walaupun Malayan Union digantikan dengan pentadbiran Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tetapi pentadbiran Singapura masih berasingan.

Presiden Dewan Perniagaan India Singapura pada masa itu, R.Jumabhoy berpendapat pengasingan pentadbiran Tanah Melayu dan Singapura adalah sesuatu yang sementara sahaja dan tidak akan kekal. Oleh itu Singapura harus dimasukkan dalam penubuhan GDPIPTM kerana tujuan penubuhannya adalah bagi mewujudkan kerjasama dan menyatupadukan dewan-dewan perniagaan India di Tanah Melayu.² Dalam mesyuarat itu majoriti ahli-ahli mengambil keputusan untuk tidak memasukkan Dewan Perniagaan India Singapura dalam GDPIPTM. Ia harus ditadbir oleh ahli-ahli dewan-dewan perniagaan India di Semenanjung Tanah Melayu sahaja. Perjumpaan pada tahun 1948 bagi penubuhan GDPIPTM mengalami kegagalan kerana perbezaan pendapat menyebabkan hasrat penubuhannya tidak tercapai pada tahun 1948.³

Dewan Perniagaan India bukan sebuah badan politik tetapi ahli-ahlinya prihatin tentang perkembangan politik yang akan mempengaruhi perniagaan dan perdagangan, iaitu yang akan mempengaruhi kegiatan ekonomi mereka. Pada tahun 1948 sudah ada parti politik bagi orang India, iaitu *The Malayan Indian Congress* (MIC) yang terdiri daripada orang India dan orang Sri Lanka. MIC telah ditubuhkan pada Ogos 1946 dan presiden yang pertama ialah John Thivy.⁴ Walaubagaimanapun MIC pada masa penubuhannya bukanlah sebuah parti politik yang mewakili semua golongan orang India di Tanah Melayu. Oleh itu dewan-dewan perniagaan India berpendapat mereka harus menubuhkan sebuah Gabungan Dewan Perniagaan India bagi menjaga kepentingan mereka secara khas dan orang India secara amnya.⁵

Pada tahun 1950 sekali lagi penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India telah dibangkitkan. Presiden Dewan Perniagaan India Pulau Pinang (DPIPP), A.L.Patel semasa mempengerusikan mesyuarat tahunan DPIPP telah menyuarakan hasrat untuk menubuhkan GDPIPTM bagi menjaga kepentingan sosial dan ekonomi orang India.⁶ Wakil-wakil dari Dewan-dewan Perniagaan India Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Singapura telah berkumpul di Dewan Perniagaan India Selangor pada 6 Ogos 1950 bagi membincangkan penubuhannya.⁷ Dalam perbincangan itu mereka memutuskan untuk menamakan GDPIPTM sebagai Gabungan Dewan Perniagaan India (*Associated Indian Chamber of Commerce*), iaitu menggantikan nama yang dibincangkan pada tahun 1948.

Perbincangan penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India (GDPI) telah tercapai pada tahun 1950. Cadangan-cadangan yang disuarakan oleh presiden DPIS, A.A.Abdullah telah mendapat sokongan daripada wakil-wakil dewan-dewan perniagaan India lain termasuk Ambalal Patel, iaitu presiden DPIPP. Oleh itu pada tahun 1950 GDPI telah ditubuhkan. Presiden pertama GDPI ialah S.O.K.Ubaidulla dan timbalan presidennya ialah C.M.Seth.⁸

Antara tujuan utama penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India ialah:⁹

- a. Menjaga kepentingan perdagangan dan perniagaan para ahlinya.
- b. Memberikan kekuatan kepada ahli-ahlinya dengan menjadi saluran untuk bertukar pendapat dan maklumat.
- c. Sebuah badan yang dapat menyuarakan pendapat semua dewan-dewan perniagaan India.
- d. Ahli-ahli GDPI juga menjadi ahli dalam pelbagai badan kerajaan bagi menjaga kepentingan para peniaga.

Semua Dewan Perniagaan India negeri telah memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan kaum peniaga negeri masing-masing. Semua Dewan Perniagaan India negeri telah bekerjasama dengan GDPI dalam perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama. Selain itu GDPI jug mempunyai pengaruh yang kuat dalam kerajaan terutamanya dalam bidang

ekonomi.¹⁰ GDPI juga merupakan sebuah badan yang penting dalam menjaga kepentingan dan kebajikan keseluruhan komuniti orang India kerana dewan-dewan perniagaan India secara berasingan telah memainkan peranan penting dalam komuniti orang India dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.¹¹ Peranannya akan dibincangkan dalam bab kemudian.

Pada tahun 1950an keanggotaan ahli-ahli baru dalam Dewan-dewan Perniagaan India telah bertambah. Walaubagaimanapun ahli-ahli lama telah keluar dari dewan kerana mengalami kerugian dalam perniagaan, menutup perniagaan dan ada yang mengalami masalah dalam pembayaran yuran tahunan.¹²

Ahli-ahli dalam GDPI ialah wakil-wakil yang namanya dicadangkan oleh Dewan-dewan Perniagaan India peringkat negeri dan daerah. Selain itu syarikat-syarikat swasta boleh menjadi ahli dalam GDPI secara terus.¹³ Aktiviti-aktiviti GDPI meliputi pelbagai aspek, iaitu dari perdagangan kepada pengubalan dasar-dasar, memberi kaunseling atau motivasi perniagaan bagi para peniaga dan pedagang yang mempunyai hubungan atau jaringan perdagangan dalam Tanah Melayu dan juga luar negara dalam bidang pelaburan dan sebagainya. Objektif utama GDPI semasa penubuhannya pada tahun 1950 ialah:¹⁴

- a) Membantu saudagar-saudagar, pedagang-pedagang, peniaga-peniaga dan pengeluar India dari dewan-dewan perniagaan India bagi memudahkan kegiatan mereka.
- b) Mengwujudkan kerjasama antara dewan-dewan perniagaan dan perindustrian India dan menjayakan aktiviti-aktiviti mereka.
- c) Melantik wakil-wakil dari GDPI bagi kerajaan Tanah Melayu atau kerajaan lain bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan ahli-ahlinya.
- d) Mengadakan aktiviti-aktiviti sosial dengan menjadi pengajur dan anjurkan pameran, seminar, forum dan mesyuarat serta menghantar wakil-wakil bagi memberi latihan-latihan yang dapat memberi kebaikan kepada perkembangan sosio-ekonomi ahli-ahlinya.
- e) Memudahkan atau menyenangkan penubuhan perindustrian di Tanah Melayu.

Presiden-presiden GDPI telah memainkan peranan penting dalam memantapkannya. Hasil usaha gigih presiden-presiden GDPI menyebabkan ia berfungsi dengan sempurna dalam mencapai objektifnya. Presiden-presiden GDPI dari masa ia ditubuhkan hingga pada tahun 1957 adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Presiden Gabungan Dewan Perniagan India dari tahun 1950 hingga 1957 .

Tahun	Presiden
1950-1951	Tan Sri Dato'S.O.K.Ubaidulla
1952-1952	C.M.Seth
1953-1956	Gurubakh Singh Sambhi
1957-1957	K.P.Dawood Sultan

Sumber: Risalah Golden Jubilee 2001 Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, Kuala Lumpur: Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia, 2001.

Semasa penubuhan GDPI, Dewan-dewan Perniagaan India yang menjadi anggotanya ialah Dewan-dewan Perniagaan India Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang. Pada masa sekarang, selain dari Dewan-dewan Perniagaan India yang disebutkan di atas yang menganggotainya ialah Dewan-dewan Perniagaan India Johor, Kelantan, Kedah, Terengganu, Wilayah Labuan dan Pahang.¹⁵

Struktur Organisasi

Gabungan Dewan Perniagaan India dan Dewan Perniagaan India negeri mempunyai struktur organisasi yang sama. Oleh itu ia akan dibincangkan dalam bab ini. Matlamat utama Dewan Perniagaan India ialah menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya. Dewan Perniagaan India mempunyai satu struktur organisasi di mana kuasa tertinggi terletak pada Mesyuarat Agong di mana anggota-anggotanya akan memilih satu jawatankuasa yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk melaksanakan kewajipannya dengan dedikasi serta berfaedah bagi seluruh anggota Dewan

Perniagaan India. Mesyuarat Agong Tahunan akan diadakan setiap tahun dan selalunya pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun.¹⁶


Badan tertinggi dalam Dewan Perniagaan India ialah Majlis Pentadbiran (*Management Council*) yang dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan dengan undi sulit. Majlis Pentadbiran ini terdiri daripada 21 orang, iaitu presiden, timbalan presiden, naib presiden, setiausaha kehormat, penolong setiausaha kehormat, bendahari kehormat, penolong bendahari kehormat, dan 12 orang Ahli Majlis Biasa (*Ordinary Council Members*). Majlis Pentadbiran juga akan melantik tiga orang Ahli Majlis Biasa jika diperlukan.¹⁷ Majlis Pentadbiran Dewan Perniagaan India Pulau Pinang terdiri daripada presiden, timbalan presiden, naib presiden, setiausaha kehormat, penolong setiausaha kehormat, bendahari kehormat, presiden tahun sebelumnya (*immediate past president*) dan 14 orang Ahli-ahli Majlis Biasa.¹⁸ Dalam Mesyuarat Agong Tahunan laporan jawatankuasa dan juga penyata akaun yang telah diaudit bagi tahun sebelumnya akan dibentangkan.

Majlis Pentadbiran merupakan badan pembuat dasar dan keputusan. Majlis Pentadbiran selalu mengadakan perjumpaan untuk menyelia dan menyemak balik perlaksanaan polisi-polisi dan strategi-strategi yang telah dibincangkan dan dirancang oleh *General Body* (Badan Besar).

Majlis Pentadbiran dibantu oleh pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa kecil kerja dalam hal-hal spesifik seperti perdagangan, perindustrian, pembangunan, perniagaan, kerja-kerja awam dan informasi (*information*). Seorang setiausaha tetap akan menguruskan hal-hal pentadbiran harian Dewan-dewan Perniagaan India. Setiausaha itu akan dibantu oleh seorang eksekutif setiausaha, pegawai eksekutif, pembantu pejabat dan seorang kerani.

Biasanya presiden Dewan Perniagaan India akan mempengerusikan setiap mesyuarat yang diadakan. Jika presiden itu tidak dapat berbuat demikian kerana sebab-sebab tertentu atau munasabah, maka tugas itu akan diserahkan kepada timbalan presiden.

Rajah 1: Struktur Organisasi Dewan Perniagaan India



Sumber: *Constitution Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor 1991*, Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, 1991.

Kuasa Dan Tanggungjawab Ahli-ahli Majlis Pentadbiran

Presiden

Presiden itu akan mempengerusikan semua mesyuarat yang diadakan oleh Dewan dan beliau akan melaksanakan segala keputusan yang dicapai dalam mesyuarat itu. Kalau presiden tidak dapat hadir kerana sebab-sebab munasabah, timbalan presiden akan mempengerusikan mesyuarat dan jika presiden atau timbalan presiden tidak hadir untuk menyuarat, dalam masa 30 minit selepas waktu yang ditetapkan, ahli-ahli Majlis Pentadbiran akan melantik seorang dari kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat. Presiden juga diberi kuasa oleh Dewan dalam urusannya dengan pihak luar.

Dalam keadaan di mana terdapat persamaan jumlah undi, seorang presiden mempunyai kuasa veto untuk menentukan keputusan muktamad perundian itu. Presiden akan menandatangani semua perjanjian, *bonds* dan kontrak-kontrak lain dengan menggunakan cop dewan bagi pihak dewan.¹⁹ Cop Dewan hanya boleh digunakan dengan persetujuan Majlis Pentadbiran di hadapan presiden atau timbalan presiden bila presiden tidak dapat hadir.²⁰

Timbalan Presiden Dan Naib Presiden

Timbalan Presiden akan membantu presiden dalam perlaksanaan tugas-tugasnya. Timbalan Presiden akan menjalankan tugas-tugas presiden jika presiden cuti atau tidak dapat hadir. Naib Presiden akan membantu Timbalan Presiden dalam menjalankan tugas-tugasnya. Jika Timbalan Presiden dilantik menjadi presiden sementara, Naib Presiden akan menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden.²¹

Setiausaha Kehormat

Setiausaha bertanggungjawab mengatur semua mesyuarat dan surat jemputan jika diarahkan oleh Majlis Pentadbiran. Setiausah Kehormat akan menyimpan semua fail-fail, buku-buku, pendaftaran ahli-ahli, surat-menyurat dan minit-menyurat dan bertanggungjawab atas kesahihannya. Setiausaha Kehormat akan bertindak atas arahan presiden dalam semua hal pengurusan Dewan Perniagaan India dan perlu berkerjasama dengan semua bahagian Dewan Perniagaan India agar pentadbiran lebih licin dan teratur. Setiausaha akan menyelia keseluruhan pentadbiran Dewan dan mengawas disiplin kakitangan dan pegawai-pegawai yang bekerja di Dewan. Penolong Setiausaha Kehormat akan membantu Setiausaha Kehormat dalam menjalankan tugas-tugasnya.²²

Bendahari Kehormat

Bendahari Kehormat bertanggungjawab di atas semua urusan kewangan Dewan serta dikehendaki menyimpan akaun pembayaran dan pemberian resit. Bendahari Kehormat berkuasa untuk mengutip wang dan memberikan wang atas nama Dewan dan perlu menyimpan rekod dengan teratur dan tepat. Semua cek-cek atau bil-bil akan ditandatangani bersama dengan Presiden dan Setiausaha Kehormat. Bendahari Kehormat juga harus menyediakan Laporan Akaun Tahunan bagi Mesyuarat Tahunan. Penolong Bendahari Kehormat akan membantu Bendahari Kehormat dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Hak-hak ahli Dewan Perniagaan India

Seorang ahli mempunyai hak untuk memberikan pandangan, cadangan atau membuat keputusan dan mengundi dalam mesyuarat. Ahli juga berhak untuk mengundi atau dipilih dalam Mesyuarat Tahunan. Ahli boleh meminta jasa baik Dewan Perniagaan India untuk mengadakan perwakilan dalam badan-badan kerajaan dan meminta Dewan mewakili mereka dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Ahli juga boleh menikmati segala hak-hak istimewa yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Dewan.²³

Tokoh-tokoh

Ramai tokoh-tokoh yang penting telah memainkan peranan penting dalam penubuhan dan perkembangan Gabungan Dewan Perniagaan India. Oleh kerana tidak dapat memperolehi maklumat-maklumat tentang kesemua tokoh-tokoh penting kerana tidak ada maklumat tentang mereka dan tidak dapat menemubual dengan mereka , maka di sini akan dibincangkan beberapa tokoh sahaja yang dapat mencari maklumat dan sumbangan mereka.

A.A.Muhamed Abdullah

A.A.Muhamed Abdullah merupakan presiden DPIS pada tempoh masa 1946 hingga 1948. Dari tahun 1950 hingga 1952 beliau telah memegang jawatan timbalan presiden DPIS. A.A. Muhamed Abdullah telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Gabungan Dewan Perniagaan India pada tahun 1950. Beliau telah anjurkan perjumpaan-perjumpaan bagi penubuhan GDPI dan telah menyuarakan tentang kepentingannya. Surjit Singh, iaitu presiden DPIS pada tahun 1949 memuji A.A.Muhamed Abdullah sebagai seorang pemimpin berwibawa bagi golongan peniaga-peniaga dan saudagar-saudagar India di Tanah Melayu. Surjit Singh memuji ketokohan dalam jamuan yang diadakan bagi A.A.Muhamed Abdullah sebagai,²⁴

"Mr. Abdullah had become the unquestioned leader of the Indian Mercantile Community of Malaya during the past 14 months in which he had been actively associate with the chamber. "

Selain kejayaan penubuhan GDPI, A.A.Muhamed Abdullah juga telah dipuji kerana perkhidmatan yang cemerlang semasa beliau menjadi presiden DPIS. Di antara kejayaan penting ialah atas usaha beliau kepentingan para peniaga atau saudagar India terpelihara apabila *Land Bill (Occupation Period)* telah diperkenalkan oleh pihak British.²⁵

Dato' G.S.Gill

Dato' G.S.Gill telah menjadi ahli DPIS pada tahun 1948. Beliau telah menjadi Setiausaha Kehormat DPIS pada tahun 1953.²⁶ Pada tahun yang sama, iaitu pada tahun 1953 beliau menjadi Setiausaha Kehormat GDPI.²⁷ Sebagai Setiausaha GDPI beliau telah melawat *London Chamber of Commerce* pada tahun 1972 untuk latihan selama satu bulan dan melawat Itali pada tahun 1978 bagi tujuan perdagangan. Beliau semasa bermain golf

bersama Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961, beliau telah meminta cukai ke atas barang-barang import sukan dikurangkan 25% dan berjaya dalam permintaan itu.²⁸

Gambar 5 : Dato' G.S.Gill



Sumber: Golden Jubilee 2001 Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, Kuala Lumpur: Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia, 2001.

Kesimpulan

Perbincangan bagi penubuhan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu telah wujud selepas Perang Dunia Kedua. Semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, ramai peniaga India telah mengalami kerugian yang banyak dan ada yang muflis. Selain itu banyak rang undang-undang baru dan cukai-cukai baru atau pindaan telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi Tanah Melayu yang telah musnah semasa Pendudukan Jepun.

Oleh itu Dewan-dewan Perniagaan India menyedari mereka memerlukan sebuah badan pusat yang mewakili semua Dewan-dewan Perniagaan India untuk menjaga kepentingan dan kebajikan serta memperjuangkan kepentingan dan hak mereka dengan kerajaan. Sebelum ini pun telah wujud kerjasama di antara Dewan-dewan Perniagaan India dalam perbincangan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama. Oleh itu untuk bekerjasama bagi menubuhkan sebuah Gabungan Dewan Perniagaan India tidaklah merupakan suatu perkara yang susah atau rumit bagi mereka.

Setelah Dewan-dewan Perniagaan India membuat keputusan untuk menubuhkan Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu, muncul masalah di mana ia harus ditubuhkan. Dewan Perniagaan India Singapura berpendapat ia harus ditubuhkan di Singapura kerana Singapura merupakan pusat perdagangan anatarabangsa. Oleh kerana pentadbiran Singapura telah diasingkan daripada Persekutuan Tanah Melayu, Dewan-dewan Perniagaan India di Persekutuan Tanah Melayu berpendapat ia harus ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu. Akhirnya Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan pada tahun 1950 di Kuala Lumpur.

Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kepentingan ahli-ahli dan menjaga kebajikan mereka. Gabungan Dewan Perniagaan India menjadi pengantara antara kerajaan Tanah Melayu dan Dewan-dewan Perniagaan India dalam menyampaikan hasrat mereka. Gabungan Dewan Perniagaan India juga mempunyai perhubungan baik dengan kerajaan India. Peniaga-peniaga India juga mempunyai kepentingan ekonomi di Tanah Melayu dan juga di India. Oleh itu sebarang perubahan dasar-dasar kerajaan yang menimbulkan rasa bimbang di kalangan peniaga-peniaga India, Gabungan Dewan Perniagaan India dapat berunding dengan pihak-pihak tertentu dalam mengetahui kebenaran sesuatu perkara atau menyelesaikan sesuatu masalah.

Gabungan Dewan Perniagaan India Persekutuan Tanah Melayu telah terus maju sehingga sekarang dengan berjayanya. Ia telah membimbing Dewan-dewan Perniagaan India negeri dalam usaha memajukan dewan mereka atau membimbing ahli-ahlinya.

Nota Hujung:

-
- ¹ The Straits Times, 22.3.1948, hlm.6.
 - ² The Straits Times, op.cit., hlm.7.
 - ³ The Sunday Times, 28.3.1948, hlm.3.
 - ⁴ Tan Ding Eing, Sejarah Malaysia dan Singapura, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1979, hlm. 301.
 - ⁵ The Straits Times, 24.5.1948, hlm.4.
 - ⁶ The Straits Times, 28.3.1950, hlm.5.
 - ⁷ Indian Daily Mail, 12.8.1950, Vo..6, No.180, hlm.6.
 - ⁸ The Straits Times, 7.8.1950, hlm.7.
 - ⁹ Ibid.
 - ¹⁰ Indian Daily Mail, 12.8.1950, Vol.6, No.180, hlm. 6.
 - ¹¹ Indian Daily Mail, 9.4.1950, Vol.6. No. 57, hlm.4.
 - ¹² Ibid.
 - ¹³ Golden Jubilee 2001, Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce & Industry, Kuala Lumpur: Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce & Industry, 2001, hlm. 14.
 - ¹⁴ Ibid.
 - ¹⁵ Ibid, hlm.16.
 - ¹⁶ Constitution Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, Kuala Lumpur And Selangor Indian Chamber of Commerce And Industry, 1991, hlm.16.
 - ¹⁷ Ibid, hlm.9.
 - ¹⁸ Golden Jubilee Souvenir 1976 :History of The Malaysian Indian Chamber of Commerce dan Industry Penang, Pulau Pinang: Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Pulau Pinang, 1976, hlm.1.
 - ¹⁹ Constitution Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor, op.cit., hlm.18
Maklumat juga diperolehi dengan temubual dengan pegawai Eksekutif (En.Saravanan)Dewan Perniagaan India Kuala Lumpur dan Selangor pada 20.12.2001.
 - ²⁰ Ibid, hlm. 24.
 - ²¹ Maklumat juga diperolehi dengan temubual dengan pegawai Eksekutif (En. Saravanan) Dewan Perniagaan India Kuala Lumpur dan Selangor pada 20.12.2001.
 - ²² Temubual dengan Setiausaha Dewan Perniagaan India Kuala Lumpur dan Selangor pada 21.12.2001.
 - ²³ Temubual dengan pegawai Eksekutif Dewan Perniagaan India Kuala Lumpur dan Selangor pada 20.12.2001.
 - ²⁴ The Straits Times, 10.6.1948, hlm. 2.
 - ²⁵ The Straits Times, 17.3.1950, hlm.4.
 - ²⁶ Fail Federal Sectariat BRO/FS 12414/1951.
 - ²⁷ The Sunday Times, 8.11.1953, hlm.2.
 - ²⁸ Temubual dengan Dato' G.S.Gill pada 11.12.2001.